



Yayasan Waqaf Malaysia

## KENYATAAN MEDIA

### **RM42,000 SUMBANGAN DANA WAKAF TUNAI DAN DANA PERLU YWM KEPADA PERSATUAN ORANG-ORANG CACAT PENGLIHATAN ISLAM MALAYSIA (PERTIS)**

**Brickfields, 8 September 2022** – Yayasan Waqaf Malaysia telah memperuntukkan sejumlah RM42,000 bagi tujuan sumbangan kepada Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS). Daripada jumlah ini, **peruntukan sebanyak RM35,000 adalah daripada Dana Wakaf Tunai Malaysia disumbangkan bagi tujuan pembelian mesin pencetak *braille* (*embosser*) untuk mencetak Al-Quran *Braille*. Manakala baki sebanyak RM7,000 adalah sumbangan dalam bentuk 100 pek makanan di bawah peruntukan Dana PERLU YWM.** Sumbangan telah disampaikan oleh YBrs. Tuan Wan Rohimi bin Wan Daud, Setiausaha Politik Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) mewakili Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan turut hadir bersama adalah Encik Abdul Halim bin Mat Yusop, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif YWM.

Menurut YBrs. Tuan Rohimi, **dari 2009 hingga 31 Ogos 2022, sejumlah RM28,148,332.43 Dana Wakaf Tunai Malaysia telah terkumpul dan daripada jumlah tersebut sejumlah RM22,675,737.76 telah berjaya diagihkan kepada pelbagai segmen sama ada keagamaan, pendidikan, kesihatan, persekitaran, ekonomi dan lain-lain.** Menerusi agihan dana bagi tujuan pembelian mesin pencetak Al-Quran *Braille* ini, kapasiti jumlah percetakan Al – Quran *Braille* daripada PERTIS dapat ditingkatkan memandangkan permintaan Al-Quran *Braille*

kini semakin meningkat. Prihatin akan keadaan ini, Yayasan Waqaf Malaysia tampil menyampaikan amanah para pewakaf.

Selain giat melaksanakan agihan Dana Wakaf Tunai, Yayasan Waqaf Malaysia turut melaksanakan agihan dana berbentuk CSR atau tanggungjawab sosial korporat melalui Dana PERLU YWM. Bermula Januari 2022 hingga Ogos 2022, sejumlah **RM151,740.79** Dana PERLU YWM telah diagihkan kepada pelbagai lapisan Keluarga Malaysia yang memerlukan tanpa mengira kaum, bangsa dan agama. Melalui program ini juga, YBr. Tuan Rohimi bersama YBr. Encik Abdul Halim turut menyampaikan sebanyak 100 kotak sumbangan bakul makanan kepada PERTIS.

YBr. Tuan Rohimi turut menyeru agar agihan berbentuk seumpama ini perlu diteruskan dan diselaraskan sebaik mungkin agar matlamat dan hasrat pewakaf yang telah mewakafkan harta (wang tunai) mereka itu dapat dicapai dan penerima wakaf yang benar-benar memerlukan dapat menikmati manfaatnya.

**Untuk berwakaf, masyarakat boleh layari [www.ywm.gov.my/wakaf-online](http://www.ywm.gov.my/wakaf-online) atau salurkan sumbangan wakaf anda ke akaun Yayasan Waqaf Malaysia Public Islamic Bank 3996004900.**

**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**8 September 2022**

**Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:**

Cik Nur Ain binti Mohd Nazri  
Pegawai Media  
Bahagian Pemasaran dan Korporat YWM  
[nurain.nazri@ywm.gov.my](mailto:nurain.nazri@ywm.gov.my) | +6011-33065054